

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI  
[DUNGUN]**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan memaklumkan bilangan pekerjaan mengikut kluster ekonomi yang telah dan akan dicipta sejak tahun 2008 sehingga tahun 2025 dalam projek-projek dalam East Coast Economic Region (ECER).

**JAWAPAN****DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

1. Jumlah bilangan pekerjaan yang telah diwujudkan di ECER sejak tahun 2008 sehingga 30 September 2021 dan sasaran sehingga tahun 2025 mengikut kluster ekonomi adalah seperti berikut:

No	Kluster	Pencapaian 2008 sehingga 30 Sep 2021 (merangkumi Pelan Induk ECER 1.0 dan 2.0)	Sasaran (2018- 2025) (Pelan Induk ECER 2.0)
1	Pelaburan swasta		
	a) Pembuatan	93,374	50,000
	b) Minyak, Gas dan Petroleum	5,070	1,300
	c) Pelancongan	24,060	15,000
	d) Perniagaan Tani	8,176	2,600
	e) Logistik	496	-
2	Pembangunan Modal Insan	63,941	50,000
	<b>Jumlah</b>	<b>195,117</b>	<b>118,900</b>

Sumber:

- a) Pelaburan swasta - Maklumat bilangan pekerjaan diperolehi daripada syarikat-syarikat pelabur.
- b) Pembangunan modal insan – Maklumat bilangan pekerjaan adalah seperti yang dilaporkan oleh pembekal perkhidmatan (*Service Provider*) dan agensi/ institusi pelaksana yang melaksanakan program pembangunan modal insan di bawah ECERDC, dan disahkan (*verified*) oleh ECERDC.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN (BERTULIS)  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)**

**DARIPADA : YB TUAN WAN HASSAN MOHD RAMLI (DUNGUN)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [ DUNGUN ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian bagi menangani isu sindiket kad pengenalan palsu yang masih berleluasa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) memandang serius isu kad pengenalan palsu dan penyalahgunaan MyKad serta komited dalam usaha mengesan pengguna dan ejen pemalsuan dokumen pengenalan diri dengan mempergiatkan lagi operasi penguatkuasaan termasuk menjalankan operasi bersepadu bersama-sama dengan agensi-agensi penguatkuasaan yang lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) bagi memastikan aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan dapat membendung masalah berkenaan sekaligus memberi hasil dan impak yang besar terutama dalam perkara-perkara yang melibatkan ancaman kepada keselamatan negara.

Oleh itu, sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini melalui JPN telah mengambil langkah untuk mengatasi masalah tersebut dengan meningkatkan operasi penguatkuasaan ke atas kegiatan pemalsuan kad

## SOALAN NO: 450

pengenalan. Sepanjang tahun 2021 sehingga 14 Oktober 2021, sebanyak 185 operasi penguatkuasaan telah dijalankan oleh JPN diseluruh negara iaitu 162 operasi penguatkuasaan kendalian JPN dan 23 operasi bersepadu bersama agensi penguatkuasaan lain. Hasil daripada operasi penguatkuasaan yang telah dijalankan, seramai 84 individu telah ditangkap dan didakwa atas kesalahan menggunakan kad pengenalan palsu dan menggunakan kad pengenalan orang lain.

Individu yang terlibat di dalam pemalsuan kad pengenalan, boleh disabitkan kesalahan di bawah Peraturan 25(1)(e), Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 iaitu individu yang terlibat boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi RM20,000 atau kedua-duanya sekali.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
[SELAYANG]**

**SOALAN**

**TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilangan kes penguatkuasaan atau pendakwaan yang dibuat, bilangan sabitan, jumlah denda atau penjara berkenaan dengan Seksyen 18A, 6(1)(b), 7A(10), 7C, 7f, 10A dan 11 Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 selama 5 tahun yang lalu.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, industri perumahan adalah satu industri yang sentiasa berkembang. Bagi memastikan rakyat Malaysia turut mendapat faedah dari perkembangan ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa membuat penambahbaikan terhadap dasar-dasar dan akta-akta yang berkaitan perumahan. Antaranya ialah Dasar Perumahan Negara (DPN) (2018 – 2025) dan pindaan Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] pada tahun 2015. Dasar dan pindaan akta dilaksanakan dengan mengambil kira perubahan sosial, politik dan ekonomi negara.

Akta 118 (pindaan 2015) tidak bersifat retrospektif. Oleh itu, hanya projek terbengkalai oleh pemaju yang dilesenkan selepas pindaan 2015 sahaja yang boleh didakwa di bawah Seksyen 18A. Setakat ini, hanya satu (1) projek yang diwartakan sebagai projek terbengkalai selepas pindaan tahun 2015 sepertimana yang telah diperuntukkan di bawah Seksyen 11. Namun begitu, pendakwaan di bawah seksyen 18A tidak dapat dilaksanakan kerana syarikat telah digulung.

Melalui kawalan dan pemantauan yang telah dilaksanakan ke atas pemaju berlesen, Kementerian telah membekukan sebanyak 64 Akaun Pemajuan Perumahan selaras dengan Seksyen 7C dan telah mengeluarkan sebanyak 2,341 Notis Tawaran Kompaun mengikut peruntukan Seksyen 7(f) sepanjang tempoh 5 tahun terkini.

Bagi Seksyen 7A(10) dan Seksyen 10A, belum ada sebarang tindakan pendakwaan yang dilaksanakan terhadap pemaju perumahan kerana semua pemaju telah mematuhi arahan di bawah seksyen tersebut. Seksyen 6(1)(b) adalah berkaitan syarat permohonan *Advertising Permit and Developer License* (APDL) dan tiada kaitan dengan tindakan penguatkuasaan atau pendakwaan ke atas pemaju. Sekian, terima kasih.